

PARLIMEN KEDUABELAS
2010

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian

HARI SELASA: 19 OKTOBER 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

KANMUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB Lisan YANG TIDAK PAPAT Mjawab BIDAN AM
BEWAN**

(SOALAN NO. 9 HINGGA 4S)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO, 1 HINGGA 8 [RUJUK

PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERETAHU PERTANYAAN DEWAM

RAECTAT PEIRTAMYAAM : LI SAN
r*ARWAD-A : Y.B. DATUYC ALEXANDER MAMTA
(KAPfIT)
TARMIH : 10.10.2010

SOALAN:

Y.B. DAT UK ALEXANDER NAMTA LINGGS [KAPST] minta Menteri Pelajaram menyatakan bilangan orang dari Negeri Sarawak yang telah memohon jawatan sebagai guru dan berapa orang daripada jumlah itu telah berjaya mendapat tawaran untuk berkhidmat sebagai guru sepanjang tahun 2009 dan 2010 ini.

JAWAPAM

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Peajaran Malaysia (KPM) membuka permohonan untuk mengisi jawatan guru yang layak kepada semua tanpa mengikut negeri. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sabah dan Sarawak, KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru telah menjalankan temudaga terbuka (*walk-in interview*) di kawasan-kawasan pedalaman. Ini bertujuan membuka peluang kepada calon-calon guru pedalaman yang merupakan anak tempatan untuk menyertai sektor perguruan. Has rat KPM adalah untuk melihat mereka berkhidmat di kawasan masing-masing apabila tamat pengajian nanti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2010, bilangan anak tempatan Sarawak yang mengikuti latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah seramai 2,272 orang atau 7.06% daripada jumlah keseluruhan yang mengikuti

latihan tersebut.

Pada dasarnya, KPM melaksanakan penempatan guru dengan memberi keutamaan kepada semua calon guru yang menerima tajaan dari KPM. Hal ini bermakna semua calon guru yang mengikuti latihan perguruan anjuran KPM dan lain-lain universiti yang ditaja oleh KPM telah diberikan penempatan yang sesuai dengan opsyen masing-masing. Keputusan ini selaras dengan terma-terma perjanjian yang dibuat di antara pelajar (pelatih) dengan kerajaan.

Rjm 19

SOALAM MO.:

PETOEIRfITAHUAN PERTAMYAAM IDEifAW RAECYAT

PERTAMYAAM : U8AM

DARfIPADA : Y.B. DAT©⁵ *MBEH*ECO© *Him*
fBERUAS)

TARfIKH : 1® OBCTOBER 201© (SELASAJ

SOALAM”

Y.B. DAT©’ WGEHI SCO© IHIASi pERUAS) sninta iiEWTERS
8CERJA RAYA menyatakan sama ada benar **dakwa**an bahawa
permukaan **lorong** tambahan Lebuhraya **Utara-Selatan** yang baru

siap dibina adalah terlalu licin kerana batu yang digunakan untuk lapisan afas adalah terlalu kecil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Kerja-Kerja Pelebaran Lorong Ketiga Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) telah disiapkan keseluruhannya pada 19 April 2009. Ia telah direka bentuk berdasarkan kepada piawaian antarabangsa dan diselia oleh jurutera perunding profesional dan bertauliah.

Sehubungan itu, kualiti bahan binaan, termasuk batu agregat yang digunakan di lebuhraya berkenaan sememangnya mengikuti piawai dan spesifikasi yang ditetapkan, termasuk melepasi ujian di makmal dan tapak bina. Sebahagian dari turapan permukaan jalan bagi projek kerja-kerja pelebaran ini menggunakan teknologi turapan jenis *Stone Masthic Asphalt* (SMA) di mana saiz batu agregatnya lebih kecil berbanding turapan konvensional, iaitu *Asphaltic*

Concrete Wearing Coarse (ACWC). Reka bentuk turapan jenis SMA ini mematuhi piawaian antarabangsa dan selamat digunakan sebagaimana turapan ACWC. Ia juga telah digunakan secara meluas di negara-negara maju, seperti di Jerman dan United Kingdom.

Berdasarkan statistik kemalangan di jajaran Lebuhraya PLUS yang telah dinaikkan taraf, faktor utama berlaku kemalangan tersebut ialah disebabkan oleh kecuaiian manusia, khususnya pemanduan yang melebihi had laju. Walau bagaimanapun, pihak PLUS sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan, termasuk menambah bilangan papan tanda amaran dan meningkatkan pemantauan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan. Di samping itu, aspek penguatkuasaan undang-undang juga turut diberikan perhatian oleh Polis Di-Raja Malaysia (PDRM). Ini bagi memastikan kadar had laju di lebuhraya berkenaan sentiasa dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : DATUK DR.
TEKHEE [MAS
GADING] TIKI ANAK LAFE

DARI PADA : 19 OKTOBER 2010

TARIKH :
JAWAB LISAN

SOALAN

Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilakah satu siri penerangan mengenai Gagasan 1 Malaysia akan diadakan di seluruh pelusuk negara memandangkan masih terdapat ramai rakyat yang belum pasti tentang maksud sebenar gagasan tersebut di mana pelbagai pihak mempunyai interpretasi mereka

J mthPiAiw:

tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi merealisasikan Gagasan 1 Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Penerangan dan JASA telah melaksanakan program/aktiviti yang telah melibatkan pelbagai kumpulan sasaran di negara ini. Antara program/aktiviti utama yang diberi tumpuan dalam merealisasikan hasrat Kerajaan ini adalah aktiviti bersemuka, aktiviti merakyatkan seni budaya dan aktiviti menerusi media massa. Aktiviti bersemuka yang telah dilaksanakan pada masa ini adalah aktiviti ceramah bersiri yang mana golongan sasarannya adalah terdiri daripada pemimpin kerajaan dan penjawat awam di peringkat negeri telah dilaksanakan pada Februari hingga Mac 2010, Seterusnya bagi peringkat kementerian-kementerian telah bermula pada pertengahan April 2010. Jabatan telah merancang untuk meneruskan ceramah bersiri ini kepada Syarikat-syarikat GLC sebagai usaha menerapkan tanggungjawab sosial mereka dalam menjayakan Gagasan 1 Malaysia.

Usaha berterusan juga telah dilaksanakan bagi memberikan penerangan kepada masyarakat umum, pelajar IPT dan pelajar sekolah melalui aktiviti-aktiviti bersemuka.

NO. SOALAN: ..12

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

J mthPiAiw:

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD
. TAIB [BALING]

TARIKH : 19 OKTOBER 2010

SOALAN : ,

Dato' Y.B. Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling Jminta PERDANA SVIENTERI menyatakan apakah langkah dan kesediaan pihak Kerajaan mencegah dan mengatasi penyelewengan terhadap fakta-fakta Islam yang sengaja di selewengkan dan dieksploitasi sewenang- wenangnya oleh media dalam negara sama ada Elektronik dan Cetak daripada menjejaskan pegangan akidah umat Islam.

JAWAPAM: (Y.B. SENATOR DA TO" DR. S1A8H1TAH SBRAM, TIMBAL
AIM 81EMTERB DI JABATAN PERDAWA S1EMTERI J)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormaf sedia maklum, Kerajaan
melalui Jabatan Kernajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa
bertanggungjawab menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam di negara ini.
Banyak usaha telah dilakukan untuk fujuan tersebut dan langkah ini terus
ditingkatkan lagi sesuai' dengan cabaran yang semakin besar dan kompleks
yang dihadapi oleh umat Islam.

JAKIM juga **memantau** bahan-bahan penerbitan **berunsur** Islam dalam semua
bahasa sama ada pada media cetak atau" elektronik. Ia meliputi buku, risalah,
majalah, suratkhbar, iklan, cakera padat video (vcd), drama, filem dan
seumpamanya.

Bagi memastikan pegangan akidah ummat Islam tidak terjejas oleh usaha
golongan-golongan ' tertentu yang sengaja menyebarkan fakta atau fabaman
yang bercanggah dengan Islam melalui media, **JAKIM melaksanakan**
program-program seperti berikut:

- a) naewujudkan garis panduan **berkaitan iaitu** :
 - i. Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam ;
 - ii. Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak Dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-unsur Yang **Bercanggah Dengan Akidah Dan Amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah** ;
 - iii. Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-

bahan Penyiaran Berunsur Islam ; dan

iv. Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan Dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan Dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-ayat Suci Al-Quran ;

b) mengadakan aktiviti pemantauan ke atas premis-premis berkaitan (kedai, kilang, syarikat penerbitan) di seluruh negara secara bersepadu bersama Jabatan Agama Islam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri;

c) memantau internet khususnya laman web dan blog. Mana-mana laman web dan blog yang bercanggah dengan Islam akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia untuk diambil tindakan ;

d) mengemukakan pandangan kepada Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri mengenai filem- filem dalam negara yang menyentuh isu-isu agama ;

e) mengadakan Taklimat dari semasa ke semasa ;

f) mengadakan perjumpaan, dialog dan bengkel dengan pihak-pihak yang terlibat dalam industri perfileman ; dan

Sefajin itu, mesyuarat-mesyuarat diadakan untuk penyelarasan dan pemantauan bagi mengawal dan menapis media cetak/ penerbitan, dirnana JAKIM menganggotainya iaitu:

a) Mesyuarat Penyelarasan Kawalan Media Peringkat Kebangsaan diadakan sebanyak tiga kali setahun, dalam usaha menangani isu-isu berkaitan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam ; dan

b) IVlesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam diadakan sebanyak tiga kali setahun bagi memperakukan pengharaman bahan-bahan cetak/penerbitan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM .p&

NO. AUP : 1%

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 19 OKTOBER 2010

RUJUKAN : 3003

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah pelawat-pelawat asing yang menyalahgunakan 'Visa On Arrival' sehingga kini dan adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan kemudahan tersebut.

JAWAPAH:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan untuk membatalkan kemudahan *Visa on Arrival* (VOA) kepada semua warganegara asing bemiufa pada 1B Ogos 2010. Keputusan ini adalah berikutan daiipada saranan daripada makrnal pengurusan warga asing dan Mesyuarat Jawatankuasa Pekerja Asing Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPAPATi).

Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dari tahun 2006 sehingga Februari 2010, pengeluaran VOA yang dicataikan adalah

sebanyak 282,764 dan pemegang pas VOA yang tinggal lebih masa daripada tahun 2006 sehingga Februari 2010 adalah sebanyak 76,771 yang membawakan peratusan sebanyak 27.15%.

Dengan penarikan balik kemudahan VOA kepada semua warganegara asing, Kerajaan akan dapat membendung masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PAT!) yang tinggal lebih masa di Malaysia dan sekaligus menangani masalah-masalah lain seperti kegiatan jenayah.

SOALAN 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. Dato' Rashid bin Din (Merbok)

TARIKH : 19 Oktober 2010

SOALAN:

Y.B. Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah pendapatan perkapita untuk golongan petani padi, nelayan, petani sayur, pekerja ladang dan pekerja kilang (tidak termasuk pegawai) untuk tahun 2009 mengikut daerah dan sektor. Adakah ianya menunjuk peningkatan dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber utama maklumat

yang digunakan dalam mengukur pendapatan isi rumah penduduk di negara ini adalah berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). HIS ini biasanya dijalankan dua setengah tahun sekali dan teknik persampelan yang direkabentuk mengambil kira tahap kepersisan (*reliability*) diperingkat nasional, negeri dan kawasan bandar-luar bandar sahaja. Dengan ini, statistik mengenai pendapatan bulanan isi rumah dan pendapatan perkapita isi rumah mengikut pelbagai kategori pekerjaan dan

daerah sepertimana yang diminta adalah tidak mewakili dan tidak persis (*not representative and not reliable*).

Untuk maklunian Ahli Yang Berhormat, berdasarkan HIS 2009, pendapatan kepada purata isi niniah adalah seperti berikut:

Pendapaian purata bulanan pelani (pads) adalah RM 1,222 pada tahun 2004 dan meningkat kepada RM 1,709 pada tahun 2009;

Pendapatan purata bulanan pekerja perikanan adalah RM1,934 pada tahun 2009 berbanding RM1,391 pada tahun 2004;

Pendapatan purata bulanan pekerja ladang (pertanian) adalah RM1,813 pada tahun 2004 dan meningkat kepada RM2,054 pada tahun 2009;

Pendapatan purata bulanan pekerja ladang (pertanian & ternakan) pada tahun 2004 ialah RM1,540 dan meningkat kepada RM2,018 pada tahun 2009.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
 DARI PADA : Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
 (KOTA BELUD)

TARIKH : 19 OKTOBER 2010 (SELASA)
 SOALAN : Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN minta
 PERDANA MENTERI menyatakan apakah kesan dan kejayaan program-program
 integrasi dan perpaduan Negara dalam pembentukan Negara yang mana kerajaan
 telah memperuntukkan bajet yang besar .

JAWAPAN : (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Walaupun negara kita adalah lebih aman, berbanding dengan kebanyakan negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian etnik, agama, budaya dan bahasa masih perlu diuruskan dan ditangani dengan sesuainya setiap masa. Oleh itu, sejak kemerdekaan, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran dan keperluan untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan dan mengurangkan pelbagai jurang antara kaum, serta meredakan dan menyelesaikan sebarang sengketa yang timbul.

Berdasarkan kesedaran dan komitmen ini, pelaksanaan dasar-dasar dan program-program pada amnya telah mencapai kemajuan ekonomi, pembangunan sosial serta keharmonian, kestabilan dan keamanan. Walau bagaimanapun, masih terdapat masalah-masalah lama dan cabaran-cabaran baru dalam era globalisasi dan era ICT yang pesat berubah yang perlu ditangani.

Oleh itu, YAB Perdana Menteri telah mengilhamkan Gagasan "1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" sebagai rangkakerja yang baru supaya memacukan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk mencapai Wawasan 2020. Gagasan 1 Malaysia yang berpaksikan kepada Perlembagaan dan Rukunegara adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional secara lebih erat lagi dengan menerima, menghormati dan meraikan kepelbagaian yang sedia wujud sebagai kekuatan negara, atas landasan komitmen patriotik oleh semua. GTP telah mengenalpasti enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), iaitu, pendidikan, keselamatan, urustadbir yang baik serta mempertingkatkan golongan miskin, prasarana bandar dan luar bandar.

Selain daripada menghasilkan impak yang besar untuk faedah rakyat, pelaksanaan enam (6) NKRA bertujuan untuk menghasilkan transformasi kerajaan dengan memacu peningkatan penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui kaedah-kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan. Dengan demikian, semua rakyat akan diberi layanan secara cekap dan adil, tidak ada yang akan dipinggirkan, dan ini akan menyumbang kepada mencapai perpaduan.

ETP pula bertujuan untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi supaya menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Selain daripada meningkatkan

sumber manusia dan daya saing ekonomi, ETP menegaskan keterangkuman (inclusiveness) dan pembangunan lestari (sustainable). Ini adalah kerana walaupun pelaksanaan dasar pembangunan sejaE^ 1970 telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat pada amnya, mengurangkan kadar kemiskinan tegar ke satu paras yang agak rendah dan menstrukturkan semula masyarakat, tetapi golongan berpendapatan rendah 40% ke bawah masih perill! dibela, dibantu dan diperkasakan supaya dapat meningkatkan keupayaan dan pendapatan mereka. Walaupun penyertaan Bumiputera telah meningkat, khasnya dalam pelbagai bidang profesyen, tetapi pembangunan keusahawanan masih memerlukan perhatian yang lebih berfokus serta pendekatan yang lebih berkesan dan rnesra pasaran (*market friendly*). Mengurangkan perbezaan ekonomi antara kaum akan memudahcara pemupukan perpaduan.

Dalam bidang sosial, walaupun peluang pendidikan telah banyak bertambah dan meningkat khasnya bagi pengajian tinggi, tetapi persaingan masih hebat, khasnya bagi kemasukan IPT dan biasiswa, yang kadang kala menjadi isu politik. Sistem persekolahan yang berbilang aliran bahasa pengantar di peringkat rendah membolehkan rakyat kita mempelajari pelbagai bahasa dan budaya yang menjadi kelebihan dalam pasaran dunia. Akan tetapi, adalah perlu untuk terus menggalakkan interaksi dan memupuk perpaduan antara remaja dan beSia khasnya di peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi, melalui program-program seperti Rancangan Integrasi murid-murid untuk Perpaduan (RSMUP), Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara, rancangan pembangunan belia dan sukan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan sebagainya. Usaha menambahbaikkan keberkesanan program-program ini hendaklah diteruskan.

Di samping itu, usaha juga perlu terus ditingkatkan untuk menggalakan interaksi dan kerjasama antara kaum di tempat kerja, di tempat kediaman, di tempat riadah dan rekreasi, melalui sumbangan dari syarikat swasta, kesatuan pekerja, persatuan penduduk, Rukun Tetanga, JKKK, RELA, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan badan sukarela.

Dari segi pembangunan kerohanian, Malaysia sememangnya amat bertuah kerana hampir semua rakyat adalah terdiri dari penganut agama-agama utama sedunia (*World's Great Religions*). Akan tetapi, perselisihan faham kadang kala berlaku, misalnya mengenai isu pertukaran agama, pembinaan atau penempatan semula rumah-rumah ibadat, penggunaan istilah-istilah yang tertentu dan sebagainya. Isu-isu ini perlu diuruskan dengan baik, dengan sikap penerimaan, bertimbang-rasa dan bertolak-ansur. Oleh itu, sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk menguruskan dialog dan memupuk persefahaman antara pemimpin-pemimpin agama.

Sebagai kesimpulan, walaupun kepelbagaian bangsa, budaya dan bahasa menjadikan masyarakat Malaysia begitu kaya beraneka-ragam, tetapi perhubungan antara kaum dan kumpulan perlu diurus dan ditangani dengan baiknya setiap masa. Oleh itu, semua pihak hendaklah menyokong penuh gagasan 1 Malaysia dan menyahut penyemaian nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (inclusiveness) di kalangan rakyat. Memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) memerlukan penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat

dan penjawat awam.

BOAtm MQ: 16

PESMcBERI'TAHyA^ PERTTrAtWAAM IOEW'm

RARYAY PERTAMYAAM : JAWAB LfISAM

PARJPAP3A : PUAM TEO MIE CIHIIMG | SER0AMC3 1

TAtRIECH : IS OKTOBER 2(0)1® (8ELA8A)

SOALAM."

Pyan T@@ Ms® C thing ISardaimgl minta MEMTERI

PEWERAMCMM,

GCOfilUNMCASi DAM KEBUDAYAAM menyatakan sama ada Kementerian akan menguiang kaji takrifan filesn tempatan supaya filem buatan Malaysia yang guna kurang daripada 70% Bahasa Malaysia seperti 'Ice Kacang Puppy love' dan 'The Malay Chronicles (The Chronicles of Merong Mahawangsa) juga boleh dikecualikan 20% cukai hiburan.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Galakan Pulangam Duti Hiburan adalah salah satu insentif yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui PINAS untuk membantu para produser filem tempatan untuk mengeluarkan lebih banyak filem tempatan. Adalah dimaklumkan bahawa tiada pengecualian cukai hiburan 20% yang dikenakan terhadap harga tiket pawagam bagi

filem- filem tempatan SEBALIKNYA sejumlah 20% daripada keseluruhan

SOALAN NO: 16

jumlah kutipan jualan tiket pawagam akan diberikan semula kepada para produser tempatan.

Cadangan mengenai takrifan filem tempatan adalah tidak hanya meliputi filem-filem dalam Bahasa Melayu sahaja tetapi filem-filem dalam Bahasa Cina, India, Inggeris dan lain-lain bahasa tempatan yang dihasilkan oleh penerbit filem tempatan juga boleh dianggap sebagai filem tempatan dengan syarat:

- a) Jalan ceritanya mengenai masyarakat Malaysia;
- b) Mempunyai sari kata dalam Bahasa Malaysia;
- c) Menggunakan sekurang-kurangnya 70% rakyat tempatan sebagai tenaga produksi (artis dan krew);
- d) Pegangan ekuiti penerbit/produser filem sekurang-kurangnya 51% milik rakyat tempatan; dan
- e) Tidak melanggar Rukun Negara, kepentingan nasional, Institusi Diraja dan Agama serta tidak menjejaskan keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi di peringkat kajian dan masih belum diluluskan untuk pelaksanaan.

PE^BERITAHU PERTAMYAAM
DEWAN RAKYAI, MALAYSIA
DAR.IPADA TAN SRI DATO⁵ SERI O^G KA mm
IfIKULAI
PERTANYAAN IiULUT
TARSfrCH 1S>J00>1@

Tan Sri Dato³ Seri Omg Ila Ting [Kulaij minta MENTERI KEWAMOAW menyatakan bilakah Kerajaan akan melonggarkan dasar perolehan Kerajaan untuk bekalan, perkhidmatan dan kerja agar sebahagian daripada projek yang bernilai kurang daripada RM50 juta dibuka kepada semua kaum secara telus melalui tender terbuka.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memastikan setiap projek yang dirancang oleh Kerajaan berjaya dan memberi impak kepada ekonomi negara untuk terus berkembartg, Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk memilih kontraktor-kontraktor yang berkeelayakan dan berkemampuan melalui kaedah perolehan yang ditetapkan iaitu secara tender dan sebut harga bagi mendapatkan harga yang kompetitif.

2. Kerajaan sentiasa menekankan supaya semua perolehan Kerajaan dilaksanakan melalui tender terbuka selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan dan mendapat nilai faedah terbaik serta memperkukuh daya saing dan bina upaya syarikat tempatan.

3. Berdasarkan tatacara perolehan semasa, perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50.000 hingga RM500,000 (Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2009) hendaklah dipelawa secara sebut harga yang mana perolehan melebihi RM100.000 hingga RM500,000 tidak terhad kepada syarikat Bumiputera sahaja dan terbuka kepada semua kaum. Manakala perolehan bernilai melebihi RM500.000 hendaklah dipelawa secara tender (SPP Bil. 5 Tahun 2007). Bagi urusan perolehan secara tender, mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (perolehan bekalan/perkhidmatan) dan CIDB serta PKK (perolehan kerja) boleh mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan dan ia terbuka kepada semua kaum.

4. Kerajaan yakin kebanyakan projek boleh diuruskan secara tender bagi mencapai nilai faedah terbaik di samping memperkukuh daya saing syarikat melalui persaingan. Justeru, Kerajaan akan meningkatkan perolehan secara tender terbuka dan pada masa yang sama, meneruskan objektif pembangunan dengan mengambil kira tahap keupayaan yang berbeza-beza di kalangan syarikat/kontraktor tempatan.

PEIIBERnTAIHO PERIAMYAAM
DEWm RAEC/AT, MALAYSIA

DARfIPADA : DR. IHAJfi OZULKEFLY [BUM AH HAD'
(KUALA SELAMSOR)

PERTAMYAAM : LL3AM

TARSKH : 1SJ0.201©

Oil Hajo Dzylkdfly EqSoi Ahmad (Kuala Selangor) mints CENTERS
BCEWAWOAW menyatakan pendirian Kerajaan Pusat tentang
pengenalan dinar dan dirham yang diterbitkan oleh Kerajaan Negeri
Kelantan Dam! Naim.

JAWAFAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah undang-undang
Malaysia, hanya Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk
mengeluarkan mata wang ringgit sebagai satu-satunya mata wang yang
sah diperlakukan untuk pembayaran hutang dan barangan serta
perkhidmatan di Malaysia.

2. Penerimaan ringgit di dalam negara bermakna bahawa sesiapa
sahaja boleh menggunakan ringgit dengan mudah dan tanpa perlu ragu-
ragu terhadap nilai mukanya.

3. Penggunaan wang berasaskan komoditi seperti emas dan perak dalam urus niaga akan menyebabkan orang ramai menanggung risiko-risiko tertentu seperti:

- a) kurangnya penerimaan nilai muka komoditi tersebut kerana harganya yang sentiasa turun naik. Ini akan mewujudkan ketidakpastian dalam sesuatu urus niaga; dan
- b) masalah untuk mengesahkan ketulenan emas atau perak serta kemungkinan berlakunya pemalsuan yang berleluasa.

Kedua-dua risiko ini akan menjejaskan hak dan perlindungan pengguna.

4. Tindakan oleh mana-mana individu atau entiti mengeluarkan atau mengisytiharkan pengeluaran instrumen atau mata wang dalam bentuk lain tetapi mempunyai ciri-ciri di atas adalah melanggar undang-undang. Kerajaan memandang serius tentang perkara ini dan Bank Negara Malaysia akan mengambil langkah sewajarnya terhadap individu atau entiti tersebut.

5. Kerajaan juga menasihatkan orang ramai agar terus menggunakan mata wang kertas dan syiling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan tidak menggunakan medium pertukaran yang lain dalam urusan seharian mereka.

6. Ini bagi melindungi orang ramai daripada risiko yang timbul akibat piangyunaan maia wang selain ringgit dan [uga l:»agi memastikan ekonomi berfungsi dengan e&kap bayi kebaikan orang ramai dan perusahaan perniagaan.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HUNG
(SARIKEI)

TARIKH : 19 OKTOBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

**Y.B. TUAN DING KUONG HUNG (SARIKEI) minta MENTERI
KERJA RAYA menyatakan: -**

- (a) status kemajuan perancangan menaik taraf Jalan Bukit Huang-Sekumang, Sarikei ke Tanjung Manis yang dijangka bermula dalam RMK-10; dan
- (b) nyatakan jumlah fasa pembinaan dan peruntukan dalam RMK-10.

JAWhPAM:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk menjawab soalan (a) dan (b) dari Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Ray-i sememangnya telah mengemukakan permohonan cadangan bagi melaksanakan Projek Membina Jalan Bukit Huang/Sekumbang, Sarikei dalam *rolling plan* periana (2011-2012), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan berturap standard piawai JKR R3 sepanjang 15 kilometer dari Bukit Huang ke Jalan Seredeng/Tanjung Manis dengan anggaran kos projek sebanyak RSVS75 juta. WaSau bagaimanapun, pelaksanaan projek ins tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan diperoleh dari Agensi-Agensi Pusat dalam RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
TARIKH	19.10.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian akan membina bangunan baru untuk SJKT Bestari Jaya sebagaimana dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam pilihanraya kecil Ijok. Bilakah Kementerian akan menunaikan janji bekas Menteri Pelajaran sebelum Pilihan Raya 2008 untuk membina 6 SJKC baru dan memindah 13 SJKC di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah yang terdapat di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perpindahan dua buah SJKC telah siap dan mula beroperasi pada tahun ini iaitu SJKC Tai Hong berpindah dari Kota Tinggi ke Taman Impian Emas, Johor Bahru dan SJKC Pai Tze dari Bukit Serampang ke Setia Eco Gardens, Johor Bahru.

Manakala perpindahan SJKG Bandar Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Selangor; SJKC Pay Fong 1, Crimson, Krubong, Melaka; dan 3JKC Kiow Min, Taman Perkasa, Alor Gajah, Melaka telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Bagi SJKC Pumpong, Alor Setar, proses kerja tapak serta menanarn cerucuk sedang dilakukan dan bagi SJKC Tung Hwa, Seremban pula proses melabei tansh r;edang dijalankan.

Untuk makluman Ah is Yang Berhormat, bagi sekolah-sekolah selebihnya pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masih dalam proses membuat perolehan tanah, penyediaan pelan bangunan; atau rnengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk kelulusan oleh pihak berkuasa tempatan.

NO. AUM

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

19 OKTOBER 2010

TARIKH

3005

RUJUKAN

SOALAN:

**Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyaiakan**

- (a) bilakah Kerajaan akan melaksanakan penggunaan Mykad untuk menggantikan pasport semasa melintasi sempadan dengan Negara Brunei Darussalam untuk meringankan beban rakyat jelata.; dan**
- (b) apakah Kerajaan sedia untuk mengurangkan harga pasport terhad daripada RM 150.00 ke RM50.00 untuk penuntut-penuntut sekolah.**

JAWAPAW:

Tuami Yang Di~Pertya,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dors Limbanp yang mengemukakan **pertanyaan tersebut.**

(a) Untuk makiuman Ahli Yang Berhormat, **Kerajaan** telah sedia melaksanakan kemudahan imigresen yang dikenali sebagai Kad Pengembara Kerap (*Frequent Traveler's Card - FTC*) bagi tujuan **mempercepatkan proses pemeriksaan** kedua-dua negara khususnya bagi mereka yang kerap menyeberangi sempadan Malaysia dan Brunei. Kad FTC ini adalah menggunakan medium My Kad dan projek perintisnya telah **bermula pada September 2007.**

Walau bagaimanapun, dalam tempoh pelaksanaan projek perintis **FTC Malaysia - Brunei**, kedua-dua Kerajaan telah mendapati bahawa ia tidak sesuai dilaksanakan dan berpandangan bahawa penggunaan pasport adalah lebih mudah, selaras dan terancang bagi memantapkan proses keluar/ masuk pelawat dan pedagang serta menjamin keselamatan di antara sempadan Malaysia - Brunei. Pandangan ini adalah rumusan daripada kajian keseluruhan pelaksanaan **FTC** sejak ia mula dilanearkan yang mendapati kemudahan **FTC** kurang mendapat sambutan daripada rakyat Brunei. Rakyat Brunei yang memasuki Malaysia lebih gemar

menggunakan pasport berbanding kemudahan FTC. Selain itu, perbezaan spesifikasi teknikal di antara kedua-dua buah negara telah menyukarkan pelaksanaan kemudahan yang bersepadu.

Dengan demikian, untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada peringkat ini, Kementerian Dalam Negeri pada dasarnya bersetuju dengan cadangan baru mekanisme pergerakan keluar/ masuk menggunakan medium pasport dengan kaedah automasi tanpa pasport perlu di cop dan diselaraskan antara kedua belah pihak tanpa membebankan pengguna. Terkini, perbincangan teknikal di antara kedua-dua buah Kerajaan masih berlangsung dan kedua-dua pihak masih belum memuktamadkan tarikh pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan sentiasa prihatin dan peka akan rungutan orang awam mengenai harga pasport Malaysia yang dikatakan sangat mahal dan tidak berpatutan. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada masa kini tidak bercadang untuk mengurangkan harga Pasport Malaysia Terhad Brunei daripada RM150.00 kepada RM50.00 kerana fi yang dikenakan adalah munasabah.

SoaSam MQ> : 22

PEMBER8TAHU! PERTANYAAN DEWAM RAKYAT

PERTAMYAAN : *usm*
DARIPADA : YPI. PP. TAP »5P 0SPM
(PEPOMP)

TARIKH . : 19.10.2010

SOALAN:

Y.B. DR. TAN SEWG GSAW | KEPONG J minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan, gender dan kualiti guru di seluruh negara. Apakah peruntukan dan jenis-jenis kursus yang berkesan untuk meningkatkan kualitinya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan calon guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang mengikuti latihan perguruan di 27 Institut Pendidikan Guru dan *English Language Training Centre* (ELTC) di seluruh negara adalah seramai 32,385 orang. Daripada jumlah ini 10,727 orang (33.1%) adalah pelatih lelaki manakala 21,658 orang (66.9%) adalah pelatih perempuan.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) merupakan peneraju utama latihan perguruan di Malaysia. BPG bersama-sama Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bertanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan perguruan untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar di institusi pendidikan seluruh Negara. BPG telah mengambil langkah proaktif dalam membangunkan dan memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan di Malaysia, dalam usaha untuk melahirkan dan melestari guru berkualiti.

Sebagai langkah untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme dan kompetensi guru-guru, KPM juga menyediakan pelbagai latihan dalam perkhidmatan yang berterusan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat. Antaranya ialah:

- i. Kursus Peningkatan Profesionalisme -14 minggu;
- ii. Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK) 1 Tahun;
- iii. Kursus Dalam Perkhidmatan 4 Minggu Latihan Guru Sekolah Bestari untuk guru- guru Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu;
- iv. Program ICT untuk guru dan pensyarah;
- v. Program Bahasa Inggeris;
- vi. Program Latihan Guru dan Peningkatan Guru Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI);
- vii. Program Latihan Peningkatan Pedagogi Fasilinus dan Guru-guru LINUS (Literasi dan Numerasi);
- viii. Program Peningkatan Pedagogi Guru Matematik dan Sains;
- ix. Kursus Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT);
- x. Kursus NKRA Prasekolah dan Transformasi Kurikulum; dan
- xi. Kursus Kerjasama dengan pihak swasta.

MO. AUM : 9

cm AUP " 23

FEMBERITAHUAW FERTANYAAN BAG I JAWAB LS8AN
DEWAN IRAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUEC SSRSWGAN BIN GUBAT [RAWAU]

TARIKH : 1@ OCTOBER 201©

RUJUKAW : 321 i

SO ALAN:

Daftuk Slriragars bin Gy bat [Ramau 3 minta iIEWTERI DALA6i MEGERI menyatakan berapa bilangan negara yang tidak mengenakan visa lawatan kepada rakyat Malaysia. Bolehkah Menteri berkenaan menyatakan kenapa Malaysia masih mengenakan visa lawatan kepada pelawat dari Taiwan ke Malaysia sedangkan rakyat Malaysia ke Taiwan iidak lags dikenakan visa lawatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Ranau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang diperoleh Kementerian Luar Negeri menunjukkan bahawa buat masa ini sebanyak 119 buah negara tidak mengenakan visa lawatan kepada rakyat Malaysia. Berhubung dengan visa lawatan kepada pelawat dari Taiwan, adalah dimaklumkan bahawa, pengecualian visa lawatan yang diberikan oleh Taiwan kepada warganegara Malaysia merupakan polisi sehalu atau dengan izin, '*unilateral*' yang diamalkan oleh Taiwan terhadap Malaysia. Sebagaimana kita sedia maklum, Malaysia berpegang kepada dasar 'Satu Negara China', dengan izin, '*One*

China Policy Memandangkan Malaysia mengenakan visa terhadap pelawat dari Republik Rakyat China (RRC) bagi memasuki Malaysia, maka pelawat-pelawat dari Taiwan juga dikenakan polisi visa yang sama.

PEEVIBEIRGTAHUAIRJ PERTAMYAAM BAGI JAW A13 LSSAM DEWAW WEGARA

LISAN

PEIRTAWYAAW

TUAN AMRASF! BIN AB GHAWI

DARIPADA

13 OKTQBER 2010

TARIKH

3004 WO. AUft/i WO.

RUJUKAM

AUP : ©•¥

SOALAN :

Tuan Amiran bin Ab Ghans f Tarsah Merah J minta fvIESWEKI BALAFVI iMEGERI menyatakan apakah ciri-ciri keselamatan dan pengawasan depot innigresen seluruh Negara yang tidak / kurang ditekankan serta jelaskan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN :

Tuan yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ciri-ciri keselamatan dan pengawasan depot yang diberi tumpuan untuk memastikan kawalan keselamatan terjamin adalah meliputi aspek fizikal seperti bangunan dan pagar keselamatan yang kukuh dan terkawal serta juga peraturan dan kaedah kawalan yang berkesan berpandukan *Standard Operating Procedure* (S.O.P). Kementerian telah mengambil langkah-langkah *corrective* dan *preventive* (dengan izin) dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Pengurusan Depot di peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh KSU dan ahli-ahlinya terdiri dari TKSU-TKSU, PDRM, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen, JPAM dan Rela.

Kementerian juga telah membentuk mekanisma baru secara bersepadu dalam menguruskan depot-depot iaitu aspek keselamatan dan kawalan dengan mendapat kepakaran dari Jabatan Penjara, kawalan keselamatan luaran menggunakan khidmat pegawai dan anggota Rela, dokumentasi dan rekod oleh Jabatan Imigresen, pasukan polis sebagai *liaison officer* yang akan memberikan bantuan sekiranya berlaku rusuhan dan kecemasan sementara Jabatan Pertahanan Awam Malaysia akan menyediakan khidmat rawatan perubatan awal sekiranya diperlukan.

Selain dsri itu Kementerian juga telah menuhuhkan secara perntadbiran

.(abaters Pengumsam Depot.

Sementara langkah-langkah *preventive* pula adalah menurnpukan kepada membaikpulihan bangunan-bangunan lama dan pemasangan pa gar yang mempunyai ciri-ciri kawalan yang berkesan, memantapkan SOP dan juga meningkatkam tahap profesionaiisma pegawai dalam menjalankan tugas mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]**

T ARIKH

19 OKTOBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG minta PERDANA

MENTERI menyatakan dalam tempoh bulan **September 2009 hingga September 2010**, apakah program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang boleh dilihat membawa kepada penggalakkan semangat setia kawan dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum dan orang muda. Apakah KRT-KRT yang ditubuhkan diseluruh Negara bergerak aktif pada setiap bulan.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Perpaduan masyarakat pelbagai kaum merupakan kunci ke arah kesejahteraan dan keamanan yang perlu difahami dan dihayati oleh rakyat supaya ianya menjadi satu budaya yang diterima dan diamalkan. Di peringkat akar umbi, pembudayaan perpaduan ini dapat digalakkan melalui aktiviti-aktiviti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menjurus ke arah pemupukan semangat kejiwaan, setiakawan dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum.

Mengikut Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga (2006-2010) yang dilancarkan pada Januari 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah giat menubuhkan lebih banyak KRT, sehingga mencapai sebanyak 4843 KRT di seluruh negara kini. Mulai September 2009 hingga September 2010, sebanyak 196,000 aktiviti telah dianjurkan oleh KRT yang boleh dikategorikan ke dalam 10 bidang

iaitu sukan, rekreasi, sosial, kebajikan, kebudayaan, pendidikan, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar, ekonomi dan agama.

JPNIN turut memberi tumpuan kepada usaha membangunkan potensi golongan muda di dalam KRT melalui Jiran Muda yang menjadi popular sebagai wadah menghimpunk-h remaja berumur 13 tahun hingga 21 tahun. Kini, sebanyak 3607 cawangan Jiran Muda telah dilubuhkan di seuruh negara dengan keahlian Jawatankuasa seramai 36,000 orang yang giat melaksanakan pelbagai aktiviti untuk faedah mereka sendiri. Sememangnya Jiran Muda mempunyai potensi sebagai agen perubahan dalam membanteras gejala sosial di dalam komuniti.

Program-program teras Jiran Muda bertujuan menyemai nilai kepimpinan, semangat patriotik, memupuk interaksi perpaduan dan pembangunan modal insan melalui aktiviti-aktiviti seperti Perkhemahan Kem Padu Anak Malaysia, Kembar Padu, Koir Lagu-Lagu Patriotik, Debat Perpaduan dan Kelab Rukun Negara.

Keaktifan Rukun Tetangga di seuruh negara sentiasa dipantau oleh pegawai-pegawai JPNIN. Salah satu aspek ialah kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Rukun Tetangga yang diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 5B(4), Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 (Pindaan) 1988. Di samping itu, JPNIN juga memerlukan KRT mengemukakan laporan bulanan aktiviti-aktiviti kejiwaan anjuran samada oleh Jawatankuasa RT atau cawangan Jiran Muda, Jiran Wanita dan Jiran Warga Mas serta penyata dan laporan kewangan Rukun Tetangga.

Untuk tempoh 6 bulan pertama tahun 2010 (Januari - Jun), sekurang-kurangnya

95% daripada 4708 Jawatankuasa Rukun Tetangga dikategorikan sebagai aktif berdasarkan kriteria tersebut. Sementara baki 5% atau 370 Kawasan Rukun Tetangga dikategorikan sebagai sederhana aktif dan tidak aktif. Usaha telah diambil untuk menggerakkan mana-mana KRT yang tidak aktif melalui tindakan berikut:

- a) Mengadakan perjumpaan dengan semua Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga seberapa kerap yang boleh.
- b) Memberi bimbingan dan dorongan.
- c) Mengaturkan kursus motivasi dan pengurusan
- d) Menjalankan penyeliaan dan pengawasan yang lebih rapi; dan
- e) Melakukan rombakan jawatankuasa untuk mengganti ahli yang tidak cergas dan tidak berkesan dengan ahli baru yang berpotensi.

Selain daripada KRT, JPNIN dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan telah bekerjasama dengan Xiyue Arts & Culture (sebuah badan bukan Kerajaan) untuk mementaskan teater muzikal "*KITA-The Muzikal*" yang membariskan artis-artis tempatan berbilang kaum di Istana Budaya yang dirasmikan Malam Gala oleh YAB Perdana Menteri kita. Sebagai sebuah teater muzikal yang dicituskan oleh ilham Gagasan 1 Malaysia, "*KITA-The Muzikal*" telah berjaya menonjolkan bahawa semangat 1 Malaysia memang wujud dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia yang bergaul dan berhubung di antara satu sama lain sebagai jiran, sebagai rakan sekolah, sebagai rakan kerja bahkan sebagai rakan seperjuangan. Teater muzikal tersebut menerima sambutan menakjubkan sepanjang dan selepas persembahan 10 hari itu di kalangan masyarakat berbilang kaum pada bulan Jun 2010.

Tuan Yang Di-Pertua,

WO, AIM ;rMO.

MJP : At#*

PEMBER1TAHUAM PERTAGAI fAAM BAGS JAWAB USAM
DEWAW RAKYAT

PERTAMYAAM : LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT HERTA JAM]

TARIKH : 19 OKTQBER 201©

RUJUKAN : 3002

SOALAM:

Puao Chong Esig | Bufcit Mertajarn | minta SIEMTERI DALAM MEGERI menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk mansuhkan Akta Hasutan 1948 dan digantikan dengan Akta Hubungan Kaum seperti yang dicadangkan oleh Dato' Seri Rais Yatim (Jelebu) dalam media, jika tidak mengapa.

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Akta Hasutan diperkenalkan pada tahun 1948 bagi mendakwa mana- mana orang perseorangan, kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai

kecenderungan menghasut melalui perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain bagi:

- (i) Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana- mana Raja atau Kerajaan;
- (ii) Membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- (iii) Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap P^{ntad}biran keadilan di Malaysia atau di mansHYiann Negeri;
- (iv) Menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau dikalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- (v) Mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan anantara kaum

Tuan Yang Di-Pertua,

atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau

- (vi) Mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian HI Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Akta Hasutan 1948 masih relevan berdasarkan suasana dan landskap negara yang belatarbelakangkan kehidupan berbilang kaum, agama dan adat resam dan bagi memastikan keselamatan negara serta keharmonian dan kesejahteraan rakyat dapat terus dikekalkan. Pada ketika ini, terdapat sepuluh (10) laporan polis yang melibatkan isu perkauman telah diterima dan pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan di bawah Akta ini. Walaupun dengan hanya 10 kes, ianya dapat membendung isu perkauman ini dari menjadi lebih serius. Justeru itu, Kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan Akta tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan memberi kerjasama dalam mengemukakan maklumat sekiranya perlu kepada Kementerian yang berkaitan jika terdapat rancangan untuk menggubal Akta

Perhubungan Kaum.

PEMBERITAMUAN
PERTAMAYAAM PEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

FERTANYAAN

DAFJFADA

Y.B. DATUK IR t-SAJI IDRIS BIN HAJI HARON
(TANGGA BATU)

TARIKH

19 OKTOBER 2010
(SELASA)

SOALAN

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU) minta **MENTERI PERUSIAHASM DAM KERAJAAN TEMPATAM** menyatakan apakah kaedah yang akan digunakan oleh Kementerian apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan rancangan Kerajaan untuk membina 78 ribu unit rumah mampu milik dalam Rancangan Malaysia ke-10 serta agensi manakah yang dipertanggungjawab untuk menyempurnakan rancangan tersebut.

JAWAPAW

Tuan Yang DiPertua,

Sasaran pembinaan 78,000 unit rumah mampu milik yang diumumkan YAB Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan dilaksanakan bersama oleh dua agensi iaitu Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Sebanyak 38,942 unit akan dibina oleh KPKT di bawah Program Perumahan Rakyat Disewa (PPR Disewa) dan Program Perumahan Rakyat Dimiliki (PPR Dilmiliki), manakala KKLW akan membina baki 39,058 unit di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Rumah kos rendah yang dibina di bawah Program Perumahan Rayat Disewa dan Dimiliki ini akan diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk samada disewakan atau dijual kepada mereka yang layak, terdiri daripada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah. Kadar sewa bagi seunit PPR Disewa ditetapkan pada kadar RM124 sebulan. Bagi rumah di bawah PPR Dimiliki pula, harga ditetapkan pada RM30,000-RM35,000 seunit.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan
Oktober 2010

SOALANJ MO: 28

PEBIBEWTAHyAM PERTANYAAE1 DEWAM RAKYAT

PERTAMYAAM : LGSAM

DARIPADA : DAT©⁹ HAJI WAN ABD RAHIM BSM WAM
ABDULLAH [
KOTA BHARU]

TARfIKH : 1® OCTOBER 2010

SOALAN :

Minta PEERDAWA HEW3TERD menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah dualisme dalam jentera pelaksanaan projek pembangunan di Kelantan.

JAWAPAM:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, tidak pernah wujud dualisme dalam jentera pembangunan negeri Kelantan kerana fungsi Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) adalah sama dengan fungsi Pejabat-Pejabat Pembangunan Negeri di negeri-negeri Sain. Oleh itu, tidak timbul masalah dengan dualisme seperti yang dimaksudkan dan perbezaan hanyalah dari segi nama sahaja.

/V0
:

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TENGGU RAZALEIGH HAMZAH (GUA MUSANG)** ^{SJ.B/(24)}

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **19.10.2010**

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah lesen perjudian yang telah dikeluarkan sehingga saat ini dan benarkah lesen pertaruhan sukan yang diberikan kepada kumpulan Berjaya akan dikaji semula untuk diluluskan serta siapakah pemilik sebenar lesen-lesen tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Lesen Perjudian yang telah dikeluarkan setakat ini oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

Bil	Jenis Lesen	Jumlah Lesen
1	Lesen Ejen Nombor Ramalan	1658
2	Lesen Induk Nombor Ramalan	5

B5 1	Jenis Lesen	Jumlah Lesen
3	Kasino	"1
4	Kelab Mesin <i>gaming</i>	159

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan telah memutuskan bahawa tiada sebarang lesen pertaruhan sukam diberikan kepada mana-mana syarikat termasuk Kumpulan Berjaya.

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

[Sepanggar]

TARIKH : 19 Oktober 2010

SOALAN :

